# PENYUSUAN IBU

# Hanya 10 Langkah!

## Menurut Cara Mesra Bayi

## Rasional

- Kemudahan penjagaan kesihatan memainkan peranan penting dalam pewujudan penyusuan ibu.
- 10 Langkah Ke Arah Penyusuan Ibu Yang Berjaya memberi laluan sokongan untuk membolehkan wanita mencapai tujuan penyusuan mereka dan sebagai panduan dalam latihan kakitangan penjagaan kesihatan untuk menyokong penyusuan ibu.
- Minggu Penyusuan Ibu Sedunia tahun ini memperingati ulang tahun ke 20 Deklarasi Innocenti yang menyeru perlaksanaan 10 Langkah tersebut di semua kemudahan perbidanan.
- Sepanjang 20 tahun ini, lebih 20,000 pusat perbidanan, atau lebih kurang 28% dari semua pusat perbidanan di seluruh dunia telah melaksanakan kesemua 10 Langkah dan telah diiktiraf oleh Inisiatif Hospital Rakan Bayi (BFHI).
- Sepanjang tempoh ini, kadar penyusuan eksklusif juga telah bertambah.
- Walau bagaimanapun, kemerosotan pemprograman BFHI di seluruh dunia, kekurangan latihan, dan pematuhan 10 Langkah yang lemah di pusat perbidanan yang telah diiktiraf, menyumbang kepada kepegunan dan kemerosotan kadar penyusuan eksklusif di kebanyakan tempat.
- Telah tiba masanya untuk menyemak semula pendekatan ini dan menentukan hala tuju kita seterusnya.

## Minggu Penyusuan Ibu Sedunia
## 1-7 Ogos 2010

## Objektif Minggu Penyusuan Ibu Sedunia 2010

- Untuk mempertingkatkan kesedaran terhadap peranan 10 Langkah dalam penyusuan eksklusif.
- Untuk menggiat semula aktiviti dalam kalangan sistem kesihatan, penyedia perkhidmatan kesihatan dan komuniti dalam memberi sokongan terhadap wanita untuk mencapai hasrat penyusuan ibu mereka.
- Untuk memaklumkan orang ramai di serata tempat bahawa perlindungan, promosi dan sokongan penyusuan ibu adalah hak ibu, hak bayi serta hak asasi manusia.
- Untuk membolehkan wanita dan semua yang pihak yang prihatin tentang hak asasi manusia memperjuangkan hak mereka untuk mendapatkan sistem penjagaan kesihatan yang menyokong penyusuan ibu.
- Untuk memastikan kakitangan kesihatan yang memberi perkhidmatan kepada ibu dan bayi mendapat latihan secukupnya dalam memberi nasihat dan sokongan tentang pemakanan bayi yang optimum.

www.worldbreastfeedingweek.org

# 2010

**JANUARI**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 31 | | | | | 1 | 2 |
| 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
| 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 |
| 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 |
| 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 |

**FEBRUARI**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 |
| 28 | | | | | | |

**MAC**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 |
| 28 | 29 | 30 | 31 | | | |

**APRIL**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 |
| 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 |
| 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | |

**MEI**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 | 31 | | | | | 1 |
| 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 |
| 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
| 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 |
| 23 | 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 |

**JUN**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 |
| 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 |
| 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 |
| 27 | 28 | 29 | 30 | | | |

**JULAI**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 |
| 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 |
| 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 |

**OGOS ***

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 |
| 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 |
| 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 | 28 |
| 29 | 30 | 31 | | | | |

**SEPTEMBER**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 |
| 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 |
| 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 |
| 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | | |

**OKTOBER**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 31 | | | | | 1 | 2 |
| 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
| 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 |
| 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 |
| 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 |

**NOVEMBER**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 |
| 28 | 29 | 30 | | | | |

**DISEMBER**

| A | I | S | R | K | J | S |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 |
| 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 |
| 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 |
| 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 | |

World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) merupakan satu rangkaian global, yang terdiri daripada individu-individu dan organisasi-organisasi, yang mementingkan perlindungan, promosi dan sokongan terhadap penyusuan susuibu pada peringkat antarabangsa berasaskan Deklarasi Innocenti (1990 & 2005), Sepuluh Rangkaian untuk Memelihara Masa Depan, dan WHO/UNICEF Strategi Global Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak. Rakan sekutu utamanya adalah International Baby Food Action Network (IBFAN), La Leche League Internacional (LLLI), International Lactation Consultant Association (ILCA), Wellstart International dan Academy of Breastfeeding Medicine (ABM). WABA menpunyai status konsultatif dengan UNICEF dan juga merupakan satu pertubuhan bukan kerajaan berstatus konsultatif khas dengan Economic and Social Council of the United Nations (ECOSOC).

WABA, PO Box 1200
10850 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 60-4-658 4816
Fak: 60-4-657 2655
Emel: waba@waba.org.my
Laman Web: www.waba.org.my

WABA
World Alliance for Breastfeeding Action

# PENYUSUAN IBU ~ Hanya 10 Langkah! Menurut Cara Mesra Bayi

10 Langkah telah dibentangkan pada 1989 sebagai Kenyataan Bersama WHO/ UNICEF dalam usaha Perlindungan. Promosi dan Sokongan Penyusua Ibu: Suatu peranan istimewa dalam Perkhidmatan Perbidanan. Deklarasi Innocenti pada 1990 itu, menyeru dunia untuk melaksanakan Sepuluh Langkah ini secara menyeluruh di semua agensi perbidanan menjelang 1995. Dua dekad kemudian, lebih 152 buah negara telah mempunyai hospital Rakan Bayi. Mereka telah melaksanakan 10 Langkah dan dengan penambahan beberapa bahagian berkenaan dari Kod Tataetika Pemasaran Gantian Susu Ibu Antarabangsa, telah membantu untuk menghalang promosi susu formula kepada pengamal penjagaan kesihatan dan orang awam.

## 10 LANGKAH KE ARAH PENYUSUAN IBU YANG BERJAYA

***Setiap kemudahan yang menyediakan perkhidmatan perbidanan dan penjagaan bayi baru lahir perlu:***

1. **Mempunyai polisi penyusuan ibu secara bertulis yang disampaikan kepada semua kakitangan kesihatan secara berkala.**
2. **Melatih semua kakitangan kesihatan dalam kemahiran yang perlu untuk melaksanakan polisi ini.**
3. **Memberitahu semua ibu mengandung tentang kebaikan dan pengurusan penyusuan ibu.**
4. **Membantu ibu-ibu memulakan penyusuan ibu dalam masa setengah jam selepas kelahiran.**
5. **Menunjukkan ibu-ibu cara menyusukan dan mengekalkan penghasilan susu walaupun mereka terpaksa dipisahkan daripada anak-anak mereka.**
6. **Tidak memberikan bayi-bayi baru lahir makanan atau minuman selain susu ibu kecuali atas sebab-sebab perubatan.**
7. **Mengamalkan penyusuan di sisi ibu ("rooming-in") – membenarkan ibu dan anak bersama-sama selama 24 jam sehari.**
8. **Menggalakkan penyusuan ibu mengikut kehendak bayi.**
9. **Tidak memberikan puting tiruan atau puting kepada bayi-bayi yang menyusu susu ibu.**
10. **Menggalakkan penubuhan kumpulan sokongan penyusuan ibu dan merujuk ibu-ibu kepada mereka selepas keluar hospital atau klinik.**

### KEMAJUAN BFHI DAN 10 LANGKAH SEHINGGA KE HARI INI

**Pencapaian:** Pada hari ini lebih 20,000 buah kemudahan perbidanan di seluruh dunia dilaporkan pernah mencapai status Rakan bayi. BFHI telah meningkatkan penyusuan eksklusif pada peringkat tempatan, kebangsaan dan sedunia. Peningkatan kadar penyusuan adalah faktor utama penurunan dalam kadar kematian bayi (UNICEF 2009).

Semakan Amalan Mesra-Bayi mengambil kira saranan set 10 langkah untuk program di luar hospital, iaitu tempat-tempat kesihatan lain dan di dalam komuniti... Didapati, apabila 10 Langkah diterapkan di hospital, sokongan berasaskan komuniti jelas menambahkan keberkesanannya. Tetapi, apabila hanya sebahagian sahaja dari 10 Langkah ini dilaksanakan, usaha penyusuan ibu yang lain juga menjadi kurang berkesan.

*Trend dalam bilangan (ribu) hospital yang pernah diiktiraf "Rakan Bayi"*




**Cabaran Yang Masih Ada:** Walaupun, didapati bukti tentang potensi manfaat 10 Langkah ini semakin betambah, malangnya, kami masih menerima laporan tentang kurangnya kerjasama, kemerosotan amalan hospital dan kurang latihan ke atas kakitangan kesihatan untuk memberi nasihat kepada ibu. Oleh itu, telah tiba masanya untuk menggiatkan semula perlaksanaan 10 Langkah di hospital, di tempat penjagaan kesihatan yang lain serta di dalam komuniti dan kembali menuju ke arah Cara Mesra-Bayi.

### MEMBUKA KEMBALI JALAN KE ARAH SOKONGAN PENYUSUAN Hospital Rakan Bayi

**Semakan dan Kemaskini Inisiatif:** Pada tahun 2007, UNICEF dan WHO telah menyiapkan kemaskini dan semakan bahan BFHI yang lebih mesra pengguna dan memperkenalkan pendekatan baru iaitu mesra-bayi melangkaui bidang perbidanan. Beberapa buah negara memanggil inisiatif ini sebagai "Mesra Ibu dan Bayi", namun sejak akhir-akhir ini, idea baru tentang inisatif ini iaitu Inisiatif Kelahiran Mesra Ibu dan Bayi Antarabangsa (IMBCI): 10 Langkah ke Arah Perkhidmatan Perbidanan Optima, yang merangkumi 9 langkah agar ibu dan kelahiran dapat mengurangkan campur tangan yang tidak perlu semasa proses pelahiran dan bersalin. Langkah kesepuluh adalah 10 Langkah ke Arah Penyusuan Ibu Yang Berjaya. ***Dengan mengikuti cara Mesra-Bayi, kadar penyusuan dapat ditingkatkan, dan memperbaiki tahap kesihatan ibu dan bayi di seluruh dunia.***

**Amalan Mesra-Penyusuan:** Kita tahu bahawa dengan pertambahan amalan 10 langkah ini, semakin tinggi kemungkinan wanita berjaya mencapai matlamat penyusuan ibu mereka. Ini mengesahkan tentang kepentingan untuk setiap pusat perbidanan, hospital, klinik dan komuniti berusaha meningkatkan langkah di setiap tempat, walaupun mereka mendapati amat sukar untuk mencapai kesemua 10 langkah dalam satu masa. Dengan cara itu, semua hospital akan berasa lebih mudah untuk melaksanakan setiap satu langkah baru!

***Dengan mengamalkan Laluan 10 Langkah bersama 10 'Langkah Permulaan' yang dipercayai, akan membawa kita jauh ke hadapan!***

### Pusat Pengedaran dan Koordinasi MPSS

**COORDINAIS KESELURUHAN**
**Sekretariat WABA**
P O Box 1200, 10850 Pulau Pinang, Malaysia
Fak: 60-4-657 2655 • waba@waba.org.my • www.waba.org.my

**AFRICA**
**IBFAN Africa**
P O Box 781, Mbabane, Swaziland
Fak: 268-40 40546 • ibfanswd@realnet.co.sz

**IBFAN Afrique**
Cite Ouaga 2000, 01 BP 1776, Ouagadougou 01, Burkina Faso
Fak: 226-50-374163 • ibfanfan@fasonet.bf

**ASIA**
**Sekretariat WABA** (Rujuk kepada alamat di atas)

**Asia Selatan**
**Breastfeeding Promotion Network of India (BPNI)**
BP-33, Pitampura, Delhi 110 034, India
Fak: 91-11-2734 3606 • bpni.india@gmail.com

**EROPAH**
**BMA**
Baby Milk Action, 34 Trumpington Street, Cambridge, CB2 1QY, UK.
Fak: 44-1223-464 417 • info@babymilkaction.org

**CoFAM / SMAM**
163 rue de Bagnolet, 75020 Paris, France
Fak: 01-4356 5246 • secretariat@coordination-allaitement.org

**GIFA**
Avenue de la Paix 11, 1202 Geneva, Switzerland
Fak: 41-22-798 4443 • info@gifa.org

**Aktionsgruppe Babynahrung Ev (AGB)**
Untere Maschstrasse 21, D-37073 Gottingen, Germany
Fak: 49-551-531 035 • info@babynahrung.org

**AMERIKA LATIN**
**CEFEMINA**
Apartado 5355, 1000 San Jose, Costa Rica
Fak: 506-224 3986 • cefemina@racsa.co.cr

**CEPREN**
Av. Pardo, 1335 Of.301-302, Lima-18 Peru
Fak: 51-1 241 6205 • cepren@amauta.rcp.net.pe

**IBFAN Brasil**
Rua Carlos Gomes, 1513, Sala 02 Jd. Carlos Gomes, Jundiai-SP-Brasil
CEP: 13215-021 • Fak: (11) 4522 5658
coordenaibfan@terra.com.br • www.ibfan.org.br

**AMERIKA UTARA**
**LLL International**
957 N. Plum Grove Road, Schaumburg, IL 60173-4808, USA
Fak: 847-969 0460 • lllhq@llli.org • www.llli.org

**INFACT Canada**
6, Trinity Square, Toronto, ON M5G 1B1, Canada
Fak: 1-416-591 9355 • info@infactcanada.ca • www.infactcanada.ca

**PASIFIK**
**ABA**
P O Box 4000, Glen Iris, VIC 3146, Australia • Fak: 61-3-9885 0866
info@breastfeeding.asn.au • www.breastfeeding.asn.au

**Development Officer PINDA**
c/o Christine Quested, Nutrition Centre Health Department,
Private Mail Bag, Apia, Western Samoa
Fak: 685-218 70 • christineq@health.gov.ws

### APA YANG BOLEH SAYA LAKUKAN?

Selepas dua puluh tahun deklarasi Innocenti – ini adalah masa terbaik untuk menilai semula dan mempertimbangkan apa yang perlu dilakukan untuk menggiat semula dan mengembangkan Inisiatif Mesra-Bayi, mengikuti Laluan 10 Langkah di dalam dan di luar penjagaan kesihatan. Di dalam Helaian Aktiviti Minggu Penyusuan Ibu Sedunia WABA pelbagai idea akan diberikan, tetapi pada hari ini, pertimbangkan apa yang boleh anda lakukan SEKARANG, PADA TAHUN INI, untuk:

1. Bantu rakan anda, rakan sekerja dan komuniti dalam mencari haluan.
2. Cari maklumat tentang status BFHI dan 10 langkah di negara anda dan perjuangkan perubahan di hospital.
3. Lakukan perubahan pada peringkat kebangsaan. Perjuangkan perubahan di hospital, pusat perbidanan dan dalam sistem penjagaan kesihatan lain amnya – seperti pusat kesihatan, jagaan kesihatan primer dan komuniti kesihatan.
4. Memperbaiki keadaan dunia kita untuk ibu dan anak serta masa hadapan.

**TAJAAN: WABA tidak menerima atau bekerjasama dengan mana-mana syarikat pengeluar susu bayi, susu untuk ibu menyusu, peralatan yang berkaitan dengan produk susu dan produk makanan tambahan untuk bayi dan kanak-kanak. WABA menggalakkan semua penganjur dan peserta Minggu Penyusuan Susuibu Sedunia untuk menghormati dan mengikuti etika ini.**